

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 DISEMBER 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Polisi 'beli semula' produk inovasi bermula 2 Januari 2015	Utusan Malaysia
2.	MOSTI bantu pasar produk inovasi kurang sambutan	Berita Harian
3.	RM30 mil set aside for research	The Star
4.	Satellite aid in calamities	The Sun
5.	Pembangunan produk kosmetik	Berita Harian
6.	Kerjasama antarabangsa kaji potensi herba tempatan	Berita Harian
7.	Beri pendidikan keselamatan	Berita Harian
8.	Flash floods clog up roads in Sabah	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 2 DISEMBER 2014 (SELASA)

Polisi 'beli semula' produk inovasi bermula 1 Januari 2015

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Kerajaan akan melaksanakan polisi beli semula atau *buy back* produk inovasi tempatan yang baru memasuki pasaran bermula 1 Januari depan bagi membantu membolehkan produk itu dikomersialkan sekali gus mampu meyakinkan pengguna.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, polisi tersebut merupakan inisiatif kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara pengeluar teknologi dalam usaha merealisasikan impian negara berpendapatan tinggi selain membuktikan nilai komersial produk inovasi di pasaran tempatan.

"Kementerian menyasarkan 10 ke 15 peratus produk hasil penyelidikan dapat dikomersialkan berbanding 8.73 peratus pada masa kini dan jumlah tersebut masih rendah untuk mencapai matlamat negara sebagai pengeluar teknologi inovasi serta negara maju menjelang 2020.

"Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha perlu diketengahkan untuk merealisasikan visi tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium mengenai trend dalam reka bentuk sejagat 2014: Industri Pelancongan khususnya bagi warga emas dan orang kurang upaya (OKU) di sini hari ini.

Menurut Abu Bakar, bagi mencapai sasaran tersebut setiap tahun negara perlu menghasilkan sekurang-kurangnya 60 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berjaya dikomersialkan untuk dipasarkan ke setiap sektor seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM),

Kementerian Kesihatan, sekolah-sekolah, universiti, pasar raya dan premis perniagaan bagi memastikan inovasi yang dihasilkan tidak sia-sia.

"Kementerian juga menyasar untuk mengkomersialkan sebanyak 360 produk inovasi berimpak tinggi dan dipasarkan menjelang 2020.

"Dalam pembentangan Bajet 2015 baru-baru ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta kepada kementerian bagi geran pembangunan inovasi dan pengkomersialan. Kita perlu menggunakan dana yang telah diberikan dengan menjual produk inovasi tempatan ini dan sekali gus memberikan keyakinan kepada masyarakat untuk membeli serta menggunakannya," katanya.

Sementara itu, Abu Bakar turut mengalu-alukan agar pihak berkualiti tempatan (PBT), premis perniagaan, golongan profesional dalam industri pembinaan meningkatkan penggunaan Malaysia Standard (MS) 1184:2014 dalam setiap reka bentuk binaan dan bangunan terutamanya kepada golongan OKU.

"Setakat ini, golongan OKU yang berdaftar telah mencecah sebanyak 477,549 orang dan kita perlu bertanggungjawab menyediakan dan meningkatkan pembinaan infrastruktur dalam pembinaan bangunan agar mereka mampu menjalani kehidupan seharian dengan selesa.

"Sehingga kini Jabatan Standard Malaysia telah membangunkan 6,550 MS yang merangkumi 24 sektor termasuk pertanian, pengurusan kualiti, halal, plastik dan sebagainya," katanya.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH beramah mesra dengan pemenang pada simposium Trend Dalam Reka Bentuk Sejagat 2014: Industri Pelancongan khusus bagi warga emas dan OKU di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/JEFFRI IRAN

MOSTI bantu pasar produk inovasi kurang sambutan

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan membantu mengkomersialkan produk inovasi tempatan yang tidak mendapat pasaran melalui dasar beli balik, mulai tahun depan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata peruntukan RM50 juta daripada RM290 juta di bawah Bajet 2015 akan digunakan untuk pelaksanaan dasar itu.

"Melalui dasar beli balik, kementerian yakin penjualan produk inovasi tempatan akan mencapai 10 hingga 15 peratus pada 2020 berbanding 8.73 peratus pada masa ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan simposium Trend Dalam Rekabentuk Sejangat (STUD2014): Industri Pelancongan bagi Penduduk Semakin Berusia di Kuala Lumpur, semalam.

Simposium sehari itu dianjurkan bersama Standards Malaysia dan Kulliyah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



Dr Abu Bakar Mohamad Diah

Pengkomersialan produk hanya 8.73 peratus.

Abu Bakar berkata, kini terdapat 65 produk dihasilkan di bawah program inovasi dan kadar pengkomersialan produk itu hanya mencapai 8.73 peratus.

"Kementerian akan membeli produk inovasi tempatan yang boleh diguna pakai agensi kerajaan termasuk sekolah dan hospital dalam usaha memperkenalkan produk yang pertama kali dihasilkan melalui pembiayaan dana penyelidikan dan pembangunan daripada kementerian," katanya.

Bagaimanapun, katanya Jawatankuasa Dasar Beli Balik akan menentukan produk yang akan dibeli untuk diagihkan kepada kementerian tertentu mengikut kesesuaian dan keperluan rakyat.

Ragui produk baharu

"Misalnya produk menghapuskan pembiakan nyamuk Aedes Mousticide, keluaran syarikat tempatan yang dapat membantu memerangi wabak denggi yang sedang menular di negara ini," katanya.

Beliau berkata, perasaan ragu-ragu pengguna terhadap barangan baharu menyebabkan produk berkenaan tidak dapat dikomersialkan atau dijual.

Terdahulu, Abu Bakar melancarkan semakan semula Malaysian Standard (MS), MS1184:2014 Reka Bentuk Sejangat dan Aksesibiliti dalam Alam Bina-Kod Amalan.

Semakan semula MS bertujuan menggalakkan lebih ramai arkitek, perancang bandar, pereka dan pengawal selia terutamanya pihak berkuasa tempatan merujuk kepada Jabatan Standard Malaysia sebagai satu daripada garis panduan untuk mewujudkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia dengan orang kurang upaya dan warga emas yang lebih baik.

RM30mil set aside for research

Ministry wants study into disabled and elderly

By **PATRICK LEE**
patrick.lee@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The Science, Technology and Innovation Ministry is planning a RM30mil flagship scheme for research into the disabled and the elderly.

"We can fund it up to RM30mil but they (the researchers) must work together with a university or the private sector or with an agency under us," deputy minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said.

He had earlier launched the revised Malaysian Standard (MS) MS1184:2014 Universal Design and Accessibility in Built Environment - Code of Practice (Second Revision).

This standard is to encourage the building of disabled or elderly-friendly facilities.

The event was held in conjunction with International Day of Persons with Disabilities tomorrow.

A ministry's statement noted that Kuala Lumpur City Hall had made MS1184 a construction requirement, which meant that it was compulsory for developers to obtain a Certificate of Completion and Compliance for their projects.

On another matter, Dr Abu Bakar said inventions funded by the ministry might be bought

by the Government when they were completed.

This was because only 8.73% of all ministry-funded products researched from 2006 until Oct 31 were commercialised, he said, adding that the Government wanted to see them hit the market.

"People ask 'have you sold it yet? Have you used it yet?' Not yet. This is a setback.

"We will evaluate where the products will go to. If it is good for schools, we will give to the schools. If it is good for pharmacies, we will give to them, or if it is good for the army, we will give to the army," he told reporters.

He said investors might have shied away from commercialising ministry-funded projects because they were considered innovations and not because of a lack of quality.

Dr Abu Bakar said the Government aimed to see 360 products commercialised by 2020, adding that 65 had been commercialised thus far.

Later, International Islamic University of Malaysia deputy rector Datuk Dr Prof Tahir Azhar said some products researched never made it into the public realm.

As an example, he said an electric car product researched by IIUM students did not make commercial success.

Satellite aid in calamities

> Technology useful in disaster management, says Angkasa DG

BY **ADRIAN PHUNG**
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The use of satellite technology in the pre-and post-disaster management process is equally important as doing so during the disaster, said National Space Agency (Angkasa) director-general Dr Noordin Ahmad (pix).

In an interview with *theSun*, Noordin said at present the whole disaster management operation is under the purview of the National Security Council of the Prime Minister's Department.

"We have engaged them on how best to use and promote the use of satellite technology in mitigating disaster. One way will be to use satellite images in the pre-and post-disaster process," he said.

Doing so in the pre-disaster process would help the federal government and local authorities to understand the type, trend and extent of the disaster, and provide sufficient time for mitigation methods to be put in place before a disaster occurs.

"It will greatly minimise the repair costs due to damages and ensure the

emergency relief centre is easily accessible to the locals and the relief aid response team."

Noordin said by comparing the images taken during and after a disaster is vital in the development planning process for an area.

"The images can act as a guide for the authorities to determine whether or not any building or infrastructure should be constructed in the area should it be a possible disaster prone area," he said.

As the cost of constructing and maintaining a satellite was exorbitant, it was important for Malaysia to collaborate with other countries or space agencies.

Currently, Angkasa, through programmes like the United Nations Platform

for Space-based Information for Disaster Management and Emergency Response (UN-Spider) and Sentinel Asia, can get satellite disaster images when a disaster happens in Malaysia. UN-Spider is an open network system that provides space-based solutions to support disaster management activities, while Sentinel Asia is a disaster management support system in the Asia Pacific region.

"We do not have to pay for the satellite disaster images we obtain from UN-Spider and Sentinel Asia," he said.



Pembangunan produk kosmetik

» SIRIM rancak lakukan kajian bangunkan barangan kecantikan bermutu, bebas bahan beracun, elak mudarat pada kulit

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bh.com.my

Pengiklanan dan promosi produk kecantikan kosmetik yang berleluasa di internet kini menjadi antara kaedah popular menjual serta memasarkan barangan berkenaan.

Kuasa pengiklanan yang dijanjikan umpama tarikan magnet melariskan jualan terutama mereka yang mahu cantik segera.

Sesetengahnya suka-suka mencuba tanpa memikirkan kandungan bahan selamat atau memberi kesan sampingan.

Bagi pengeluar kosmetik, mereka perlu melalui proses penyelidikan terperinci merangkumi kajian bioaktiviti, kandu-

ngan nutrien dan ujian keselamatan pati sebelum memasarkannya supaya mematuhi piawaian keselamatan produk kosmetik tempatan mahupun antarabangsa.

Kegagalan mematuhi aspek keselamatan membawa kepada kemudaratan apabila kandungan kosmetik mengandungi bahan tidak selamat seperti *betamethasone* berada dalam kosmetik.

Betamethasone umpamanya menyebabkan kulit wajah menjadi nipis, keradangan, kegatalan kulit, kesan rekahan, berjerawat, perubahan pada pigmentasi kulit dan meningkatkan risiko bahan menyerap ke dalam sistem peredaran darah yang boleh memudaratkan kesihatan.

Raksa pula boleh menyebabkan gangguan saraf, kerosakan ginjal dan paru-paru, gangguan otak dan mematikan sel darah serta mencacatkan janin.

Penyelidikan dan komersial

Oleh yang demikian, peranan **Institusi Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)** menjalankan pembangunan dan penyelidikan (R&D) ke atas herba tempatan dan menyumbang kepada pembangunan produk kosmetik secara selamat menerusi penggunaan pati berasaskan bahan aktif untuk dikomersilkan, amat tepat bagi mengatasi masalah penipuan ke atas barangan sebelum berada di pasaran.

Ketua Bahagian Kosmetik dan Produk Semula jadi SIRIM, Sarifah Rejab, berkata lebih 100 jenis pati tumbuhan atau herba tempatan berpotensi dimajukan dalam bidang kosmetik.

Antaranya rumpai laut dan halia yang sudah dilakukan kajian keberkesanan pati menerusi pembangunan produk kosmetik.

Kata beliau, kebanyakan pati menjalani kajian bioktiviti dan melalui proses mengesan kesan biologiikal sama ada ia menyerap sepenuhnya dan berkesan kepada kulit atau tidak.

"Kebanyakan sari yang dikaji mempunyai unsur antioksidan yang tinggi dan mampu mengatasi masalah kulit termasuk membantu dari segi pencerahan kulit, percambahan kolagen, anti-penuaan dan antikulat," katanya.

SIRIM menerusi R&D mahu memastikan produk kosmetik



Pekerja memasukkan cecair yang sudah diproses ke dalam bekas untuk proses seterusnya.

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 2 DISEMBER 2014 (SELASA)



Pengurus Besar Industrial Biotechnology Research Centre, Dr Ahmad Hazri Ab Rashid (kiri) melihat proses penghasilan produk di makmal SIRIM.

Pekerja SIRIM memeriksa bacaan kawalan kualiti pada produk selepas proses penghasilan produk di makmal SIRIM.
[FOTO MUHAMMAD SULAIMAN / BH]

yang dihasilkan melalui kajian keselamatan dan ketoksikan bebas daripada kandungan logam beracun yang membawa kepada kerengsaan pada kulit atau mata.

Sarifah berkata, produk tempatan dihasilkan berdasarkan cuaca, jenis kulit dan kehendak pengguna.

Aspek paling diutamakan ialah menggunakan bahan halal bagi mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta berdaftar di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM).

Tidak hairanlah, produk di bawah R&D SIRIM sudah memasuki pasaran dunia dan membantu melahirkan ramai usahawan kosmetik menerusi penyelidikan produk sehingga kepada nilai komersial ke pasaran tempatan mahupun luar negara.

Bantu usahawan tempatan

Pastinya, ramai yang meyangka SIRIM hanya menjalankan penyelidikan untuk produk sendiri, tetapi sebenarnya turut berfungsi membantu industri kosmetik tempatan.

Pada tahun ini saja, 25 R&D sudah dijalankan. Ini memberi peluang kepada usahawan kosmetik memilih produk untuk yang dipasarkan tanpa menunggu masa lama. Daripada produk wajah sehingga kepada gincu, ia turut

tersedia untuk memasuki pasaran.

Selain itu, latihan kepada peneraju kosmetik tempatan dan khidmat nasihat antara yang ditawarkan oleh bahagian kosmetik ini.

SIRIM juga membantu usahawan mengubah suai formula dengan menggunakan bahan tempatan yang setanding dengan bahan kimia yang tidak dibenarkan. Seterusnya, ujian keselamatan ke atas produk kosmetik akan dilakukan bagi memastikan produk

terbabit mematuhi piawaian ASEAN Cosmetic Directive.

Tempoh masa ujian keselamatan bergantung kepada kandungan ujian logam berat mengambil masa seminggu manakala ujian mikrob mengambil masa tiga minggu. Ujian kerengsaan kulit dan mata pula mengambil masa tiga minggu.

Dekati usahawan, pengusaha tempatan

Selain itu, pelbagai ceramah, seminar dan persidangan kosmetik dianjurkan SIRIM bersama agensi kerajaan terbabit mahupun syarikat kosmetik bagi memberi kesedaran kepada pengguna kepentingan keselamatan kosmetik, selain melatih usahawan dalam pelbagai aspek keselamatan.

“Kita memberi pendedahan kepada usahawan berpotensi untuk mengutamakan aspek keselamatan ini, selain pengedar dan penjual. Kita juga bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA),” katanya

“Ada juga usahawan di bawah geran dibiayai agensi kerajaan berada di bawah latihan usahawan kosmetik yang dijalankan SIRIM,” katanya.



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 2 DISEMBER 2014 (SELASA)

Kerjasama antarabangsa kaji potensi herba tempatan

SIRIM terus positif menjalankan kerjasama R&D bersama negara seperti Korea dan Switzerland.

Sarifah berkata, kerjasama dalam kajian herba tempatan yang berpotensi untuk produk kosmetik.

"Setakat ini, kami masih bekerjasama dengan institut berkenaan untuk pasaran di sini dan Korea," katanya.

Kata beliau, di SIRIM, penyelidikan sehingga kaedah pembungkusan dijalankan mengikut kaedah atau garis panduan kajian

serta penyelidikan bertaraf antarabangsa atau mengikut jurnal antarabangsa.

Ramai memikirkan SIRIM hanya menjalankan penyelidikan untuk produk sendiri mahupun membantu industri kosmetik tempatan. Setiap tahun, pasti ada pembaharuan dijalankan di bawah R&D SIRIM.

Pada tahun 2010 dan 2011 lalu, SIRIM bekerjasama dengan Korean Research Institute of Bioscience & Technology (KRIBB) menerusi

kajian pati halia tempatan.

Di SIRIM, penyelidikan sehingga kaedah pembungkusan dijalankan mengikut kaedah atau garis panduan kajian dan jurnal penyelidikan bertaraf antarabangsa.

Guna teknologi penyampaian

Turut berfungsi dalam khidmat nasihat kepada pelanggan atau keusahawan, SIRIM menjurus kepada produk formulasi. Ia satu teknologi menggunakan sistem penyampaian.

Teknologi ini melihat sama ada produk menerusi bahan aktif seperti halia menyerap baik dan berkesan kepada sel kulit atau tidak. Setakat ini, SIRIM sentiasa berjaya dalam kajian penyelidikan yang diusahakan.

"Kemudian, ujian keberkesanan dijalankan seperti kesan hidrasi kepada kulit dan mengukur kesan pencerahan menggunakan alat saintifik untuk mendapat keputusan lebih tepat berbanding tinjauan mata. Ia membolehkan data

saintifik direkodkan.

Sukarelawan ujian keberkesanan

Selain itu, SIRIM juga menggunakan pendekatan sukarelawan yang mana 30 sukarelawan berseesuaian dengan produk dihasilkan mencuba menggunakan produk dikeluarkan dalam tempoh masa dan syarat tertentu.

"Ada protokol yang perlu diikuti. Pemakaian perlu mengikut tatacara yang betul dan selalunya sukarela-

wan ini perlu cuba menggunakan produk selama satu bulan ke atas. Kita akan bekalkan produk kepada mereka dan usaha ini sudah dijalankan sejak tahun 2004.

"Biasanya produk menggunakan bahan semula jadi memberi hasil keberkesanan tidak terlalu cepat. Ia antara tempoh empat hingga lapan minggu," katanya.

Di SIRIM, sistem penyampaian yang digunakan adalah natural lipid menggunakan teknologi nano.



“
Ada protokol yang perlu diikuti. Pemakaian perlu mengikut tatacara yang betul dan selalunya sukarelawan ini perlu cuba menggunakan produk selama satu bulan ke atas”

Sarifah Rejab,
Ketua Bahagian Kosmetik dan
Produk Semulajadi SIRIM

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 2 DISEMBER 2014 (SELASA)

Beri pendidikan keselamatan



Zanariah Ujang

Dalam usaha berterusan untuk menghasilkan produk kosmetik bermutu, SIRIM sentiasa ke hadapan memberi keyakinan kepada pengguna menggunakan produk tempatan di bawah penyelidikan SIRIM tanpa was-was di bawah teras halal,

selamat, bermutu dan berkesan.

Pakar Teknikal Tenaga dan Alam Sekitar Penyelidikan Utama, Bahagian Teknologi Inovasi SIRIM, Dr Zanariah Ujang, berkata SIRIM sentiasa menawarkan bantuan kepada usahawan dalam aspek pembangunan produk tetapi menggunakan bahan dibenarkan.

Antaranya, memberi saluran penting kepada usahawan supaya mendaftar produk berkenaan di Kementerian Kesihatan, JAKIM dan pemakluman nombor Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan melalui Amalan Pengilangan Baik ditetapkan.

Fakta mengenai penyelidikan dan pembangunan produk kosmetik SIRIM

1990-an sehingga 2000

Pembangunan produk kosmetik menggunakan pati komersial (import dari luar negara).

Pembangunan produk kosmetik menggunakan pati herba tempatan menerusi kajian bioaktiviti.

2010 sehingga kini

Penyelidikan dan pembangunan produk kosmetik menggunakan formulasi terkini dari segi penambahbaikan produk antara lain membabitkan kesan pencerahan kulit, awet muda dan hidrasi menerusi penggunaan teknologi nano dan teknologi lain.

Antara contoh penyelidikan menggunakan bahan tempatan dalam pembangunan produk kosmetik:

- ⊙ Pegaga - 1999
- ⊙ Rumpai laut - 2002
- ⊙ Lempoyang - 2002
- ⊙ Makanan diperam - 2005
- ⊙ Halia - 2006
- ⊙ Limau purut - 2006
- ⊙ Rambutan - 2007
- ⊙ Jambu merah - 2007
- ⊙ Asam kandis - 2007
- ⊙ Asam Jawa - 2007
- ⊙ Nasi diperam - 2007
- ⊙ Beras bukit - 2008
- ⊙ Rumpai laut - 2011
- ⊙ Sarang burung - 2013

INFO

Panduan membeli produk kecantikan

- ⊙ Dapatkan maklumat sahih daripada penjual mengenai produk.
- ⊙ Semak nombor pendaftaran kerana dikhuatiri palsu.
- ⊙ Layari laman sesawang kementerian atau jabatan.
- ⊙ Digalakkan beli di farmasi besar.
- ⊙ Tidak digalakkan beli di kios.

Flash floods clog up roads in Sabah

By **STEPHANIE LEE**
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Flash floods hit several low-lying areas in Sabah again as rain poured continuously since early yesterday.

Districts such as Kota Belud and Beaufort were the first to be affected, followed by Penampang, Kolombong, Kepyayan, a stretch of road along Jalan Sulaman and 1Borneo Hypermall, Jalan Sepanggar and Telipok in Tuaran.

The flash floods caused major traffic congestion, with many roads made temporarily inaccessible.

Fire and Rescue Department public relations officer Mohd Affendy Ramin said no casualties were reported following the floods and landslips.

"We are still monitoring the situation

together with the police as it is still raining.

"We see no sign of the weather easing up for now," he said.

Affendy added that a close watch was being kept on rivers.

According to the **Sabah Meteorological Department**, the rain is expected to continue for several days.

In **Ipoh**, Bernama reported that the flood evacuation centre in SK Changkat Jong near Teluk Intan was closed yesterday afternoon after all 182 flood victims were allowed to return to their homes.

Hilir Perak Civil Defence Department officer Mohd Fazly Mohamad Zawawi said the centre, which had been open since last Tuesday, was closed at 3pm.

"All the victims were allowed to go home after the flood waters subsided and their houses were safe to be occupied," he said.